




# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

**LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA**

**23 MAC 2024 (SABTU)**

## 15 Ladang Babi Diarah Tutup, 204 Kompaun Dikeluarkan

<b>MEDIA</b>	<b>RUANGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>	<b>TARIKH</b>
Sinar Harian	Edisi Utara	Online	22 Mac



Sebanyak 15 daripada 116 premis ternakan babi di seluruh Seberang Perai telah disekat dan dibatalkan Lesen Premis Veterinar sejak tahun lalu. - Gambar hiasan

**KEPALA BATAS:** Sebanyak 15 daripada 116 premis ternakan babi di seluruh Seberang Perai telah disekat dan dibatalkan Lesen Premis Veterinar sejak tahun lalu.

Ketua Whip Ahli Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Zainuddin Mohamad berkata, tindakan itu diambil berikutan pemilik ladang ternakan babi itu gagal mendapat lesen ternakan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang seperti yang ditetapkan undang-undang.

Menurutnya, tindakan itu juga dibuat selepas mereka didapati gagal menaik taraf sepenuhnya kepada sistem penternakan babi moden.

"Kesemua ladang terbabit telah diberi arahan secara bertulis untuk menghentikan semua operasi ternakan serta-merta sebaik sahaja Lesen Premis Veterinar MBSP dibatalkan.

"Tindakan kompaun turut dikeluarkan terhadap ladang-ladang yang masih beroperasi susulan pembatalan lesen malah

sejak 2023 sehingga kini sebanyak 204 kompaun telah dikeluarkan," katanya dalam kenyataan di sini, pada Jumaat.

Bagi ladang ternakan unggas, Zainuddin berkata, sebanyak 44 premis telah disekat dan dibatalkan lesen termasuk sebanyak 121 kompaun dikeluarkan ke atas ladang yang masih beroperasi tanpa lesen.

Mengulas lanjut, beliau berkata, tindakan berhubung penutupan ladang, sitaan serta pelucuthakan babi adalah termaktub dalam Enakmen Perternakan Babi 2016 dan Peraturan Pelesenan Penternakan Babi (Pulau Pinang) 2020, sementara unggas pula adalah termaktub dalam Enakmen Perladangan Unggas (Pulau Pinang) 2020 dan Peraturan-Peraturan Pengawalan Perladangan Unggas 2020.

Jelasnya, kesemua perundangan ini berada di luar bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) dan hanya boleh dikuatkuasakan secara eksklusif oleh JPV Pulau Pinang.

Bagaimanapun katanya, MBSP sentiasa bekerjasama membantu dan menjalankan operasi bersepadu bersama-sama JPVP berteraskan prinsip 'double action' secara

berterusan tanpa sebarang kompromi.

"MBSP meletakkan isu kacau ganggu daripada ternakan sebagai salah satu isu keutamaan tertinggi dalam segenap tindakan penguatkuasaan yang dijalankan. Namun, setiap tindakan adalah tertakluk kepada ruang yuridiksi serta ketetapan dalam perundangan PBT sedia ada pada masa yang sama, perlu bergerak seiring dan selari dengan undang-undang di luar bidang kuasa PBT.

"Saya bersetuju bahawa sikap penternak yang tidak mematuhi peraturan serta undang-undang sehingga menyebabkan pencemaran sungai amat meyusahkan masyarakat. Keseriusan kerajaan negeri dalam menyelesaikan isu pencemaran sungai daripada aktiviti penternakan yang tidak mematuhi peraturan ini telah membawa kepada inisiatif mewujudkan enakmen penternakan.

"Melalui enakmen tersebut hukuman yang lebih berat dapat dikenakan kepada mereka yang tidak patuh syarat," tambahnya lagi.

Sebelum ini, Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Muhammad Fauzi Yusoff menggesa

Kerajaan Pulau Pinang untuk mengambil tindakan lebih tegas untuk menyelesaikan isu pencemaran di Sungai Air Merah dan Sungai Kulim susulan pelepasan sisa itik yang dilaporkan baru-baru ini.

ADUN Sungai Dua itu berkata, sikap golongan penternak yang tidak bertimbang rasa dan berleluasa mencemarkan sungai menyebabkan hidup rakyat semakin sengsara.

Tegasnya perkara itu amat bercanggah dengan tema kerajaan negeri yang dinaungi oleh DAP iaitu 'Penang Bersih dan Hijau'.

[SINARHARIAN](#)

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR